

# **BYOD**

## **Bring Your Own Device**

BYOD merupakan peralatan mudah alih persendirian seperti telefon pintar, tablet dan laptop yang digunakan oleh pengguna yang melaksanakan tugas rasmi melalui sambungan rangkaian Jabatan. Pengguna yang menggunakan kemudahan wifi jabatan atau data line persendirian untuk akses kepada Internet tertakluk kepada DKICT.

Sebagai garis panduan, pengguna bertanggungjawab memastikan langkah-langkah keselamatan perlindungan berkaitan penggunaan BYOD seperti berikut:

- (a) mengelakkan risiko kebocoran maklumat rasmi.
- (b) mengelakkan ancaman risiko keselamatan ICT.
- (c) memastikan produktiviti pengguna tidak terjejas dalam menjalankan urusan rasmi jabatan.
- (d) meningkatkan integriti data.

Bagi mengawal dan memantau pelaksanaan BYOD, mekanisme kawalan diwujudkan seperti berikut:

- (a) mendaftarkan penggunaan peralatan mudah alih yang digunakan melalui active directory.
- (b) mengaktifkan fungsi keselamatan kata laluan bagi mengelakkan akses yang tidak dibenarkan.
- (c) melaporkan kehilangan peralatan mudah alih kepada ICTSO.
- (d) pengguna bertanggungjawab sepenuhnya ke atas sebarang insiden keselamatan yang berpunca daripada penggunaan BYOD.

